

## PERBEZAAN PENDAPAT DALAM PERKARA CABANG *FIQH*: ANALISIS TERHADAP PANDANGAN AL-QARADĀWĪ

Basri Ibrahim\*

### ABSTRACT

*The objective of this article is to analyze the views of al-Qaradāwī with regards to the disagreement among Muslim scholars in the fiqh divisions. In actual fact, the disagreement is not a new phenomenon but it exists since the early Islamic history. The data in this article are collected from various exegesis books, hadīth and fiqh, especially in the book written by al-Qaradāwī-Kayfa Nata'āmalu Ma'a al-Turāth wa al-Tamadhhub wa al-Ikhtilāf. Al-Qaradāwī suggested that the difference of views in fiqh divisions, is something more inevitable and must not be rejected. More importantly, all parties possess positive attitude and master the ethics of handling disagreement in Islam, in order to uphold unity amongst the Muslims. Nevertheless, it does not prohibit any new researches in certain issues in order to find a view more aptly based on dalīl and convenience to the Ummah.*

**Keywords:** *fiqh divisions, muslim scholars, Islamic history, disagreement, exegesis book*

---

\* Senior Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Darul Iman University of Malaysia, Terengganu, basri@udm.edu.my.

## PENDAHULUAN

Perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh* banyak berlaku di kalangan para ulama Islam di dalam membincang dan membahaskan isu-isu baru yang melanda umat Islam atau membincangkan perkara-perkara yang berada di dalam ruanglingkup yang boleh dilakukan ijtihad. Ia sebenarnya berlaku semenjak zaman Rasulullah S.A.W sehinggalah ke zaman kita ini. Di zaman kita ini ia bukan sahaja berlaku dalam lingkungan berbagai mazhab *fiqh* yang ada, bahkan juga di kalangan pendokong satu mazhab *fiqh* itu sendiri. Perbezaan pendapat ini sebenarnya merupakan khazanah ilmiah milik umat Islam yang tidak ternilai harganya. Ia tidak wajar dianggap sebagai punca perpecahan di kalangan ummah, sebaliknya perlu dihadapi dengan semangat toleransi yang tinggi dan sikap hormat menghormati antara satu sama lain.

Di negara kita perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh* bukan sahaja berlaku di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, bahkan juga melibatkan sesetengah pihak yang berautoriti dan di kalangan sebahagian pensyarah di universiti. Sesetengahnya agak hangat sehingga melibatkan penggunaan media massa seperti akhbar, laman web dan sebagainya. Malah di akhir-akhir ini perbezaan pendapat turut melanda sesetengah pengikut yang mendokong parti-parti yang ditubuhkan oleh orang Islam. Salah satu faktor kemunculan perbezaan pendapat ini, adalah kesedaran rakyat terhadap kepentingan ilmu pengetahuan khususnya ilmu-ilmu agama dan penubuhan banyak institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Hasilnya masyarakat Islam sudah boleh membaca sendiri buku-buku agama dan melihat hujah-hujah yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh agama dari buku-buku agama yang mereka karang. Kalau dahulu masyarakat Islam di negara kita hanya didedahkan dengan buku-buku yang membicarakan berbagai-bagai persoalan dari perspektif mazhab al-Syāfi‘ī, namun hari ini mereka didedahkan dengan buku-buku dari mazhab lain seperti Ḥanafī, Ḥanbalī dan juga Mālikī, yang juga termasuk ke dalam kategori mazhab-mazhab muktabar di dalam Islam. Ada yang tertarik dengan pandangan tokoh-tokoh ulama dari mazhab-mazhab tersebut dalam isu-isu tertentu lantaran hujah mereka yang menarik dan dilihat lebih kuat daripada mazhab al-Syāfi‘ī sendiri.

Dalam usaha menjaga warisan *fiqh* yang ditinggalkan oleh ulama-ulama terdahulu dan juga menjaga perpaduan umat, para ulama daripada dahulu sehingga sekarang tidak putus-putus mengulas isu ini. Antara mereka ialah al-Qaraḍāwī, salah seorang ulama terkemuka daripada Mesir dan sekarang menetap di Qatar. Beliau juga merupakan Pengerusi Persatuan Ulama Sedunia dan terkenal sebagai seorang ulama yang mengambil pendekatan sederhana dan memudahkan dalam perkara cabang *fiqh*. Beliau merupakan antara tokoh

ulama masa kini yang banyak membicarakan tentang sikap dan juga adab-adab yang perlu dijaga oleh umat Islam dalam menghadapi perselisihan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*.<sup>1</sup>

Persoalannya apakah yang dimaksudkan dengan perbezaan dalam perkara cabang *fiqh*? Apakah punca berlaku perbezaan pendapat tersebut di kalangan ulama? Apakah sikap yang perlu diambil oleh umat Islam dalam menghadapi perbezaan pendapat? Adakah boleh membuat penyelidikan di dalam isu yang menimbulkan perbezaan pendapat dan siapakah yang layak berbuat demikian?

Objektif penulisan ini adalah untuk menjelaskan, pengertian perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, lapangan, punca, sikap umat Islam di dalam menghadapi perbezaan pendapat, adab-adab berbeza pendapat dan golongan yang boleh membuat penyelidikan di dalam isu yang menimbulkan perbezaan pendapat di kalangan umat Islam. Justeru setelah mengetahuinya, umat Islam khususnya di negara kita dapat menjaga perpaduan mereka dan mengelakkan sikap bermasam muka dan pulau memulau antara satu sama lain, yang boleh mengeruhkan keharmonian hubungan sesama umat.

Sebelum ini, sudah banyak penulisan dan kajian yang dibuat oleh tokoh-tokoh terkenal umat Islam yang ada kaitan dengan perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, samada dalam bentuk subtajuk, perbahasan secara tidak langsung mahupun dalam bentuk sebuah buku yang lengkap seperti Imām Aḥmad bin Naṣr al-Marwazī, dalam karyanya *Ikhtilāf al-Kabīr Wa al-Saghīr*, Abū Yahyā Zakariyyā al-Sajī dalam *al-Ikhtilāf Fī al-al-Fiqh*, Abū Ja‘far al-Ṭabarī dalam *Ikhtilāf al-Fuqahā’*, al-Bayhaqī dalam *al-Khilaḏīyāt*, Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad al-Shāshī al-Syāfī ‘i dalam *Hilyah al-Ulamā’ Fī Ikhtilāf al-Fuqahā’*, ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Dimashqī dalam *Raḥmah al-Ummah*, Ibn Taymiyyah dalam *Raf‘i al-Malām An A‘immah al-Islām*, Shāh Waliy Allāh al-Dahlawī dalam *al-Inṣāf Fī Bayān Asbāb al-Khilāf*, Sheikh ‘Ali al-Khafīf dalam *Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā’*, Muṣṭafā al-Khīn dalam *Āthār al-Ikhtilāf Fī al-Qawā‘id al-Uṣūliyyah Fī Ikhtilāf al-Fuqahā’*, ‘Abd Allāh bin al-Muḥṣin al-Turkī dalam *Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā’*, Ṭāhā Jābir al-Ulwānī dalam *Ādāb al-Ikhtilāf Fī al-Islām*, Muḥammad al-Faṭḥ al-Bayanūnī dalam *Dirāsāt Fī al-Ikhtilāfāt al-‘Ilmiyyah* dan lain-lain. Di dalam bahasa Melayu pula, terdapat penulisan dan kajian yang dibuat oleh penulis di negara kita. Antaranya Muhammad Zulkilfili al-Bakri, dari USIM, dalam bukunya *Menyelusuri Ikhtilaf Mazhab*, yang diterbitkan dalam tahun 2005 oleh Darul Fuqahā’, namun beliau tidak menganalisis pandangan al-Qaraḏāwī, sebaliknya

<sup>1</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1989), *al-Ṣahwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Mashrū‘ Wa al-Tafarruq al-Mazmūm*, Beirut: Dār al-Wafā’, hh. 132-140.

membicarakan tentang definisi ikhtilaf dan khilaf serta hukum-hukum yang berkaitan dengan keperluan bermazhab.

Di dalam artikel ini, perbincangan tertumpu kepada kajian kepustakaan, dengan membuat kajian ke atas teks-teks yang telahpun sedia ada terutama karya al-Qaraḍāwī, kemudian menganalisis dan menghuraikannya dalam bentuk yang lebih kemas, teratur dan juga menyeluruh. Data-data dikemukakan bagi melihat bolehkah aktiviti memfasik, mengkafir dan membid'ah orang dengan cara yang mudah boleh dilakukan hanya kerana bertembung dengan isu yang menimbulkan perselisihan pendapat ulama dalam perkara cabang. Contoh-contoh ulama dahulu berselisih pendapat turut dikemukakan. Alasan-alasan dan juga bukti-bukti kukuh dan meyakinkan, yang ikhtilaf perlu diterima dengan dada yang terbuka oleh semua pihak, juga dibahaskan.

## PENGETERIAN PERBEZAAN PENDAPAT

Perbezaan pendapat atau *ikhtilāf* dari segi bahasa membawa maksud tidak ada persepakatan dan persetujuan ke atas sesuatu perkara atau dengan lain perkataan perbezaan pendapat terhadap sesuatu perkara<sup>2</sup>. Setiap orang menempuh jalan yang tidak ditempuh oleh orang lain mengikut keadaan dan situasinya<sup>3</sup>. Manakala dari segi istilah pula, bermaksud ketidak wujudan kesepakatan pandangan oleh setiap orang alim ke atas sesuatu isu. Setiap golongan berpegang dengan pandangan masing-masing.<sup>4</sup> Dengan lain perkataan perbezaan pendapat di sini merujuk kepada perbezaan pendapat ulama mujtahid dalam masalah yang berlegar di antara dua pihak yang berbeza pandangan disebabkan tersembunyi sebahagian dalil atau kegagalan menemui dalil-dalil tersebut<sup>5</sup>. Ia melibatkan perbezaan hukuman yang dikeluarkan oleh ulama mujtahid dalam perkara cabang *fiqh*, samada dalam bentuk yang berlawanan, seperti satu pihak berpendapat harus dalam sesuatu isu, manakala pihak yang lain berpendapat haram atau lain-lain.<sup>6</sup>

<sup>2</sup> *Al-Mu'jam al-Asāsī al-'Arabī* (1999), Munazzamah al-'Arabiyah Li al-Tamiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-'Ulum, h. 417.

<sup>3</sup> Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Manẓūr al-Misrī, (1955), *Lisān al-'Arab*, jil. 9, Beirut: Dār Ṣādir, h. 9.

<sup>4</sup> 'Umar Sulaymān al-Ashqar et al. (1996), *Mas'āl Fī al-Fiqh al-Muqāran*, al-Urdun: Dār al-Nafā'is, h. 15.

<sup>5</sup> *Mawsū'ah al-Fiqh al-Islāmī* (1991), jil. 4, Kaherah: al-Majlis al-'A'lā Li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, hh. 92-93.

<sup>6</sup> Aḥmad bin Muḥammad al-Bushīkhī (1998), *Tahzīb al-Masālik Li Nuṣrah Madhhab Mālik Li Abī Yūsuf Bin Donas al-Fandalāwī*, jil. 1, al-Mamlakah al-Maghribiyah: Wazārah al-Awqāf, h. 104.

Di sini dapat difahami, perbezaan pendapat menurut istilah ulama *fiqh* ialah perbezaan pendapat, terhadap amalan agama dan keyakinan yang boleh membahagia atau merosakkan manusia di dunia dan juga di Akhirat. Perbezaan pendapat ini berlaku di dalam perkara cabang dan tidak melibatkan perkara asas agama.

## LATAR BELAKANG AL-QARAḌĀWĪ

Al-Qaraḍāwī dilahirkan pada tahun 1926 di salah sebuah kampung di Republik Arab Mesir. Beliau menghabiskan masa di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan menuntut ilmu di Kolej al-Azhar. Kecemerlangan beliau dalam lapangan ilmu begitu terserlah pada masa itu sehingga salah seorang gurunya memanggil beliau sebagai al-`Allāmah al-Qaraḍāwī, walaupun beliau baru saja berada dalam darjah empat. Setelah menghabiskan pembelajarannya di peringkat sekolah menengah, beliau menyambung ke Fakulti Usuludin, Universiti al-Azhar dan berjaya memperolehi ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama. Setelah itu beliau memperolehi ijazah ‘Alimiyyah dan dilantik sebagai tenaga pengajar di Fakulti Bahasa Arab dalam tahun 1954. Dalam tahun 1960 beliau menyambung lagi di Fakulti Usuludin dan berjaya memperolehi ijazah sarjana dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah dan pada tahun 1973 beliau berjaya memperolehi ijazah Doktor Falsafah tahap paling cemerlang (*Sharaf Ūlā*) daripada fakulti yang sama setelah mengemukakan tesis bertajuk zakat dan kesannya dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat.<sup>7</sup>

Beliau banyak memberikan sumbangan kepada Islam dan ummah. Antaranya dalam lapangan *fiqh* dan fatwa. Beliau menjadi rujukan kepada umat Islam di seluruh dunia, baik yang berada di negara Islam mahupun daripada luar negara Islam. Metod fatwanya dapat dilihat dengan jelas dalam jilid pertama karyanya berjudul *Fatāwā Mu’āṣirah* yang mengambil pendekatan sederhana dan memudahkan umat Islam dalam menyelesaikan isu-isu yang berlaku di kalangan mereka. Dalam lapangan *fiqh*, beliau merujuk secara langsung kepada al-Quran dan al-Sunnah serta mengambil manfaat daripada pandangan para sahabat, ijtihad para ulama terdahulu dan analisa yang dibuat oleh ulama-ulama terdahulu dan masa kini. Beliau memilih pandangan yang lebih menepati roh al-Quran dan al-Sunnah, lebih memudahkan umat Islam dan lebih sesuai dengan keadaan zaman tanpa sedikit pun ada sikap jumud dan terlalu longgar.<sup>8</sup>

<sup>7</sup> ‘Iṣām Talīmāh (2000), *al-Qaraḍāwī Faqīhan*, al-Qāhirah: Dār al-Tawzī‘ Wa al-Nashr al-Islāmiyyah, hh. 11-13.

<sup>8</sup> Akram al-Nadawī (2001), *Kifāyah al-Rāwī ‘An al-Allāmah al-Shaykh Yūsuf al-Qaraḍāwī*, Dimashq; Dār al-Qalam, h. 48.

Karya beliau mencecah 120 buah kesemuanya bermula daripada buku yang besar dan berjilid sehinggalah kepada risalah-risalah kecil. Ia melibatkan berbagai-bagai tajuk iaitu *fiqh* dan *uṣūl al-fiqh*, memudahkan *fiqh* untuk kehidupan Muslim masa kini, ekonomi Islam, *ʿulum al-Qurʿān* dan al-Sunnah, akidah Islam, *fiqh al-sulūk* berdasarkan neraca al-Quran dan al-Sunnah, dakwah dan tarbiah, pemupukan kesedaran dan *harakah Islamiyyah*, risalah-risalah kecil mengenai kemestian penyelesaian secara Islam, isu-isu umum Islam, keperibadian Islam, sastera dan syair, risalah-risalah berkaitan dengan pemupukan kesedaran Islam dan juga ceramah-ceramah.

Di atas usahanya yang begitu besar kepada Islam dan ummah dalam pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan pengajian dan perundangan Islam, beliau dikurniakan dengan Anugerah Bank Pembangunan Islam pada tahun 1411H, dalam ekonomi Islam, Anugerah Antarabangsa Malik Faisal 1413H, dalam bidang pengajian Islam, Anugerah Kecemerlangan Ilmiah daripada Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia dan Anugerah Sultan Hasanah Bolkliah, Brunei dalam *fiqh* Islam dalam tahun 1997.<sup>9</sup> Anugerah-anugerah ini tidak dikurniakan melainkan kepada tokoh-tokoh yang berjasa besar kepada Islam dan ummah sahaja.

## AL-QARAḌĀWĪ DAN PERBEZAAN PENDAPAT

Pada peringkat awal al-QaraḌāwī menyentuh tentang perbezaan pandangan ulama dalam membahaskan sesuatu isu seperti juga yang dilakukan oleh tokoh-tokoh ulama yang lain dalam karya-karya mereka. Misalnya dalam buku *al-Ḥalāl Wa al-Ḥarām Fī al-Islām* antara isu yang menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan ulama ialah muzik dan nyanyian.<sup>10</sup> Dalam *Fiqh Muʿāṣir* jilid ketiga antara isu yang menimbulkan perselisihan pendapat ulama yang dibahaskan beliau ialah isu pembubaran perkahwinan kerana salah seorang isteri memeluk Islam.<sup>11</sup> Dalam *Taysīr al-Fiqh Fī Ḍawʿi al-Qurʿān Wa al-Sunnah (Fiqh al-Ṣiyām)* antara isu yang dibahaskan ialah berkaitan dengan perselisihan pendapat ulama tentang mana yang lebih *afḍal* bagi orang musafir berbuka atau terus berpuasa<sup>12</sup> dan lain-lain.

<sup>9</sup> Talīmah (2000), *op.cit*, h. 13.

<sup>10</sup> Yūsuf al-QaraḌāwī (1980), *al-Ḥalāl Wa al-Ḥarām Fī al-Islām*, al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Suʿūdiyyah: Wazārah al-Maʿarif, h. 280.

<sup>11</sup> Yūsuf al-QaraḌāwī (2002), *Min Hudā al-Islām Fatāwa Muʿāṣirah*, jil. 3, Kuwayt: Dār al-Qalam, hh. 605-622.

<sup>12</sup> Yūsuf al-QaraḌāwī (1990), *Taysīr al-Fiqh Fī Ḍawʿi al-Qurʿān Wa al-Sunnah (Fiqh al-Ṣiyām)*, Beirut: Muʿassasah al-Risālah, h. 59.

Seterusnya al-Qaraḍāwī menyentuh persoalan perbezaan pendapat dalam karyanya *al-Ikhtilāf al-Masyrū‘ Wa al-Tafarruq al-Mazmūm*, yang diterbitkan oleh *Dār al-Ṣahwah*, yang beliau tujukan khusus kepada pendokong-pendokong parti dan jamaah Islam, yang terlibat dengan perbezaan pendapat, dengan tujuan mengelakkan perpecahan di kalangan mereka dan membolehkan mereka menumpukan kepada tujuan asal penubuhan parti untuk menegakkan Islam di dalam diri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Dalam buku ini beliau menyarankan beberapa perkara dan adab yang sepatutnya dipegang oleh pendokong perjuangan parti-parti dan jamaah Islam dalam menghadapi perkara-perkara yang menimbulkan perselisihan dalam perkara cabang *fiqh*.<sup>13</sup>

Pandangan beliau yang lengkap mengenai perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh* dimuatkan dalam buku beliau berjudul *Kayfa Nata‘āmalu Ma‘a al-Turāth Wa al-Tamadhhub Wa al-Ikhtilāf* yang dicetak oleh *Mu’assasah al-Risālah* dan diterbitkan dalam tahun 2005. Dalam karya ini beliau bukan sahaja membahaskan tentang konsep perbezaan pendapat yang berlaku di kalangan ulama, bahkan juga menyentuh tentang sikap yang perlu ditunjukkan oleh umat Islam dalam menghadapi perbezaan pendapat dan adab-adab yang perlu dijaga ketika berhadapan dengannya.<sup>14</sup>

Beliau tidak mahu persoalan perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, menjadi punca umat Islam tidak boleh bersatu dan menjayakan program yang besar yang ada hubungan dengan masa hadapan mereka. Kerana itu semua akan merugikan mereka sendiri. Di saat bangsa-bangsa lain di dunia menekankan peri penting bersatu padu, umat Islam berpecah belah oleh isu-isu cabang *fiqh*, yang sama sekali tidak patut menjadi isu yang memecahkan perpaduan mereka.

### **Punca-punca Perselisihan Pendapat**

Bagi al-Qaraḍāwī, perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, berlaku dengan sebab perbezaan ijtihad dan kefahaman dalam menghadapi perbezaan pendapat, tidak mungkin berbagai-bagai mazhab dapat disatukan. Dalam menjelaskan tentang perbezaan pendapat, beliau merujuk kepada faktor-faktor yang pernah dijelaskan oleh Imam Ḥasan al-Bannā iaitu:

---

<sup>13</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1989), *op.cit*, hh. 132-140.

<sup>14</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (2005), *Kayfa Nata‘āmalu Ma‘a al-Turāth Wa al-Tamadhhub Wa al-Ikhtilāf*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, hh. 134-136.



a. Perbezaan Daya Intelektual

Wujud perbezaan akal dari segi kekuatan dan kelemahannya di dalam mengeluarkan hukum. Begitu juga dengan perbezaan kekuatan di dalam menangani dalil-dalil, menyelami dasar makna dan mengaitkan sebahagian hakikat dengan hakikat dengan hakikat yang lain. Agama adalah ayat-ayat, hadis-hadis dan juga nas-nas, yang ditafsirkan oleh akal dan pendapat dalam ruang lingkup bahasa dan undang-undangnya. Kemampuan manusia berbeza dalam berbuat demikian, yang sekaligus mencetuskan perbezaan pendapat.<sup>15</sup>

b. Keluasan Dan Kesempitan Ilmu

Kadang-kadang sampai kepada seorang alim, sesuatu hadis yang tidak sampai kepada orang alim lain. Berdasarkan kepada perkara inilah, Imām Mālik pernah berkata kepada Abū Ja‘far, ketika Abū Ja‘far berusaha mengajak masyarakat supaya beramal dengan *kitāb al-Muwattā’*:

*“Para sahabat Rasulullah S.A.W bertebaran di serata bandar utama negara Islam. Setiap masyarakat mempunyai ilmunya sendiri. Jika mereka diajak berpegang dengan satu pendapat sahaja, akan berlaku fitnah.”*<sup>16</sup>

c. Perbezaan Persekitaran

Perbezaan persekitaran juga memainkan peranan penting yang menyebabkan wujudnya perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*. Perbezaan ini menyebabkan pelaksanaan berbeza mengikut perbezaan setiap persekitaran. Imām al-Syāfi‘ī, misalnya mengeluarkan fatwa lamanya di negara Iraq, manakala fatwa barunya di Mesir. Di dalam setiap fatwa itu, beliau berdasarkan kepada dalil-dalil yang sampai dan jelas kepadanya.

d. Perbezaan Kepuasan Hati Terhadap Riwayat Hadis

Setiap imam berpuas hati dengan riwayat yang disampaikan kepadanya oleh seseorang imam. Tahap kepuashatian ini pula berbeza di antara seorang imam dengan seorang imam yang lain. Ada perawi yang dipercayai oleh seseorang imam dan imam itu merasa berpuas hati dengannya dan mengambil riwayat yang dikemukakan olehnya, tetapi

---

<sup>15</sup> *Ibid*, h. 137.

<sup>16</sup> *Ibid*.



ada di kalangan imam lain, yang tidak berpuas hati dengan riwayat tersebut.<sup>17</sup>

e. Perbezaan Penilaian Kandungan Makna Hadis

Perbezaan penilaian kandungan makna yang terdapat di dalam sesebuah hadis yang menjadi dalil, juga memberi kesan kepada kewujudan perbezaan pendapat di kalangan imam-imam terdahulu. Ada imam yang berpendapat amalan orang ramai itu (*khobar mutawātir*) didahulukan daripada berita-berita yang disampaikan oleh orang perseorangan (*khobar āhād*). Tokoh lain pula tidak berpendapat demikian. Ada imam yang menerima pakai hadis *mursal* dan ada juga yang tidak menerimanya.<sup>18</sup>

### Lapangan Perbezaan Pendapat

Perselisihan dalam perkara cabang *fiqh*, menurut al-Qaraḍāwī ianya melibatkan berbagai-bagai lapangan. Antaranya bersuci seperti hukum kolonia dan superto yang digunakan untuk bersuci, ‘ayn najis yang telahpun berubah bentuknya dan lain-lain, solat seperti menjatuhkan tangan atau menggenggamnya ketika solat, membaca *basmalah* secara lantang atau secara senyap dan lain-lain,<sup>19</sup> zakat seperti zakat buah-buahan dan sayur-sayuran dan hasil-hasil lain seperti kapas, zakat tahunan perhiasan yang dipakai oleh kaum wanita dan lain-lain, haji seperti mensabitkan bulan Ramadan dan hari raya, dengan hanya seorang sahaja melihat anak bulan dan lain-lain, haji seperti berihram dari Jeddah bagi penumpang-penumpang kapal terbang, melontar sebelum gelincir matahari dan lain-lain, perhiasan seperti memelihara janggut, memanjang pakaian sehingga melebihi dua buku lali dan lain-lain,<sup>20</sup> nyanyian seperti mendengar nyanyian dengan diiringi alat muzik dan lain-lain,<sup>21</sup> makanan dan minuman seperti memakan binatang sembelihan ahli kitab, kedudukan penduduk Eropah dan Amerika sebagai ahli kitab dan lain-lain,<sup>22</sup> harta dan muamalah seperti menentukan harga barangan dan sewaan khususnya rumah dan bangunan,

---

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> Muḥammad ‘Abd al-Halīm Hāmid (1989), *Ma‘an ‘Alā al-Ṭarīq, Sheikh al-Islām Ibn Taymiyyah Wa al-Imām al-Shahīd Ḥasan al-Bannā*, Kaherah: Dār al-Tawzī‘ Wa al-Nashri al-Islāmiyah, hh. 82-83.

<sup>19</sup> Muṣṭafā Malā’ikah (1999), *Fī Uṣūl al-Da‘wah Muqtabasātun Min Kutubi al-Duktur Yūsuf al-Qaraḍāwī*, Kaherah: Maktabah Wahbah, hh. 163-169.

<sup>20</sup> *Ibid*, h.164.

<sup>21</sup> *Ibid*, h.165.

<sup>22</sup> *Ibid.*

campurtangan kerajaan dalam urusan ekonomi, memonopoli tanah yang kontang dan tanah yang ditanam dengan berbagai-bagai tanaman dan lain-lain dan politik dan hubungan antara bangsa seperti hukum pemerintah yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, mengadakan pilihanraya untuk memilih ahli dewan rakyat dan ahli majlis syura, menetapkan tempoh pemerintahan atau kepimpinan negara dan lain-lain.<sup>23</sup>

### **Sikap Yang Perlu Diambil Dalam Menghadapi Perbezaan Pendapat**

Menurut al-Qaraḍāwī, umat Islam perlu menunjukkan sikap yang baik di dalam berdepan dengan perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh generasi awal Islam terdahulu. Antara sikap yang dicadangkan beliau dalam menghadapi perbezaan pendapat ialah:

- **Menerima Perbezaan Pendapat Sebagai Satu Perkara *Ḍarūrī***

Umat Islam perlu menerima perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, sebagai satu perkara *ḍarūrī* dan penting, bahkan merupakan realiti yang tidak dapat dielakkan. Jangan cuba menghapuskannya atau menyempitkan ruang lingkupnya. Bukti perbezaan pendapat dapat dilihat dari segi agama, bahasa, manusiawi dan juga undang-undang universal. Daripada sudut agama ialah Allah S.W.T. menurunkan kitab al-Quran. Ada di antara ayatnya yang *muḥkamāt*<sup>24</sup> dan ada juga yang *mutasyābihāt*.<sup>25</sup> Dengan lain perkataan, Allah S.W.T menjadikan nas agama, ada yang terang (*qaṭ'ī al-thubūt*) dan jelas (*al-dilālah*) kandungannya. Ada yang tidak jelas (*zannī*) dari segi sabit dan kandungannya. Di dalam menghadapi nas yang bersifat yang tidak jelas seumpama ini, ia menimbulkan berbagai-bagai bentuk kefahaman dan ijtihad.<sup>26</sup>

Daripada segi bahasa pula ialah agama ditegakkan di atas asas teks-teks bahasa. Bahasa pula ada yang berbentuk *ḥaqīqah* (makna sebenar) dan ada yang berbentuk *majāz* (simbolik). Ada yang disebutkan sebagai *ṣarīḥ* (terang-terangan menjelaskan maksud), *kināyah* (simbolik), *mujmal* (umum), *mufaṣṣal* (terperinci), *zāhir*, *mu'awwal* (yang ditakwilkan maksudnya), *khāṣ*, *'umūm*, *muṭlaq* dan juga *muqayyad*. Ini merupakan lapangan yang subur untuk mencetuskan perbezaan pendapat, sebagaimana yang banyak disaksikan di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*, *fiqh*, tafsir al-Qur'an dan juga ulasan hadis.

---

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Mempunyai satu maksud yang jelas dan terang.

<sup>25</sup> Mempunyai berbagai-bagai maksud.

<sup>26</sup> Muṣṭafā Malā'ikah (1999), *op.cit.*, h. 166.

Daripada segi kemanusiaan ialah di kalangan manusia ada yang suka mengambil sikap ketat, ada yang suka mengambil sikap mudah, ada yang suka memahami secara zahir sahaja dan ada juga yang cenderung kepada objektif yang terkandung di dalam sesuatu ayat, sebagaimana yang dapat dilihat di dalam kes menunaikan solat Asar diperkampungan Bani Qurayzah. Ada orang diberikan kemampuan untuk mengeluarkan hukum daripada nas dan ada juga yang tidak dianugerahkan kemampuan untuk berbuat demikian.

Daripada segi keperluan undang-undang universal pula ialah ke semua undang-undang universal berdasarkan kepada fenomena kepelbagaian jenis iaitu perbezaan daripada segi jenis dan kumpulan. Manusia adalah sebahagian daripada alam yang luas ini dan tidak dapat tidak, terpaksa tunduk kepada undang-undang alam yang luas dan umum ini.<sup>27</sup>

#### • Menerima Perbezaan Pendapat Sebagai Satu Rahmat

Umat Islam perlu menerima perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, sebagai satu rahmat dan keluasan. Mereka boleh memilih pendapat yang paling kuat. Apalagi Allah S.W.T mensyariatkan hukum untuk menegakkan masalah para hambaNya di dunia dan juga Akhirat.

Ibn ‘Abd al-Bār melaporkan, al-Qāsim bin Muḥammad, salah seorang ulama *fiqh* yang tujuh di Madinah, pernah mengungkapkannya:

*“Saya merasa takjub dengan kata-kata ‘Umar bin Abd al-‘Azīz. Saya tidak suka para sahabat tidak berbeza pendapat (dalam perkara cabang fiqh). Kerana jika mereka sepakat di atas satu-satu pendapat, sudah tentu orang ramai akan berada di dalam kesempitan. Mereka adalah imam-imam yang diikuti oleh umat. Sekiranya seseorang berpegang dengan pendapat salah seorang daripada mereka, sudah tentu akan menimbulkan keluasan.”*<sup>28</sup>

Imam Ibn Qudāmah al-Maqdisī pernah menyebut di dalam bahagian pendahuluan kitabnya al-Mughnī:

*“Sesungguhnya Allah menjadikan umat ini bersama dengan para ulamanya bagaikan umat-umat terdahulu dengan para nabi mereka. Dia menzahirkan dari setiap lapisan umat ini, para imam yang dijadikan contoh teladan dan menjadi rujukan pendapatnya. Allah S.W.T menjadikan tokoh-tokoh terbilang dari kalangan generasi terdahulu umat ini. Tokoh-tokoh yang*

<sup>27</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1989), *op.cit.*, hh. 42-49.

<sup>28</sup> Abū ‘Umar bin ‘Abd al-Bār (t.t), *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilmi Wa Faḏlihi*, jil. 2, Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Munīriyah, h. 80.

*menjelaskan kepada mereka kaedah-kaedah Islam dan masalah-masalah hukum. Persepakatan mereka adalah hujah yang qat'i, manakala perbezaan pendapat mereka adalah rahmat yang luas. Hati-hati manusia menjadi hidup dengan mengikut hadis-hadis yang dibawa oleh mereka dan kebahagiaan akan terhasil bila mengikut jejak langkah mereka.”<sup>29</sup>*

#### • Menerima Perbezaan Pendapat Sebagai Satu Perbendaharaan

Umat Islam perlu menerima perbezaan pendapat sebagai satu perbendaharaan. Perbezaan pandangan ijtihad mengaya, memperkembang dan juga meluaskan lagi khazanah *fiqh*. Ini memandangkan setiap pendapat berdasarkan kepada dalil-dalil dan perkiraan-perkiraan syarak yang dicetuskan oleh akal-akal manusia yang berwibawa, yang berijtihad, mengeluarkan hukum, membuat perbandingan, mengadakan penilaian, membuat perimbangan dan pemilihan, seterusnya mengemukakan asas-asas, meletakkan kaedah-kaedah dan mewujudkan berbagai cabang dan permasalahan.<sup>30</sup>

Kepelbagaian ijtihad ini memperluaskan khazanah *fiqh*, dari institusi hadis dan *āthār* kepada institusi *al-Ra'y* dan *al-Nazar*, dari institusi yang hanya melihat kepada zahir nas, sehingga kepada institusi yang mengambil sikap pertengahan dan sederhana, yang mengambil mana yang paling baik pada pandangannya, sambil menjauhi titik-titik kelemahan yang terdapat pada setiap institusi, mengikut ijtihadnya dan tidak tertumpu kepada aliran imam ini atau imam itu, malah tidak juga tertumpu kepada kata-kata ini atau kata-kata itu.<sup>31</sup>

Akhir sekali institusi, aliran dan mazhab ini merupakan khazanah dan perbendaharaan yang tidak ternilai harganya. Akademi Fiqh Milik Rābitah al-‘Ālam al-Islāmī, pernah membuat satu resolusi yang mantap berhubung dengan perkara ini, di dalam majlisnya kali yang ke-10, yang diadakan pada tahun 1408H. Antara lain resolusi tersebut menyebut:

*“Perbezaan aliran pemikiran yang berlaku di negara-negara Islam, melibatkan dua jenis iaitu pertama perbezaan dalam aliran-aliran kepercayaan dan kedua perbezaan dalam aliran fiqh. Bagi yang pertama iaitulah perbezaan daripada sudut kepercayaan, pada hakikat yang sebenarnya, merupakan satu musibah yang menimbulkan berbagai-bagai bencana ke atas negara-negara Islam, memecah-belahkan perpaduan, malah*

<sup>29</sup> Aḥmad bin Muḥammad Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1984), *al-Mughnī*, jil. 1, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 4.

<sup>30</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 149.

<sup>31</sup> *Ibid.*

*menceraikan beraikan keutuhan mereka. Ia merupakan satu perkara yang amat mendukacitakan dan sewajarnya tidak berlaku. Umat Islam sewajarnya berkumpul di atas landasan ahli al-Sunnah Wa al-Jamaah, yang mewakili pemikiran Islam yang sihat pada zaman Rasulullah S.A.W dan khulafā' al-Rāsyidīn, yang diiytiharkan oleh Rasulullah S.A.W, sebagai lanjutan kepada sunnah baginda....”*

*“Kedua: Perbezaan dalam aliran fiqh dalam sesetengah isu. Ia mempunyai sebab-sebab ilmiah yang tersendiri dan Allah S.W.T pula mempunyai hikmah yang besar di dalamnya. Antaranya menunjukkan rahmat kepada para hambaNya dan meluaskan lapangan pengeluaran hukum daripada nas. Ia juga merupakan satu nikmat dan perbendaharaan perundangan Islam, yang sekaligus meletakkan umat Islam berada dalam keluasan dalam beramal dengan syariat Allah....”<sup>32</sup>*

- **Menerima Hakikat Menghapuskan Perbezaan Pendapat Adalah Tidak Mungkin**

Umat Islam perlu menerima hakikat bahawa menghapuskan perbezaan pendapat adalah tidak mungkin. Oleh kerana perbezaan pendapat merupakan satu kepentingan, rahmat dan keluasan, maka percubaan untuk menghapuskannya, langsung tidak mendatangkan kebaikan kepada umat Islam daripada satu sudut, kerana akan mengharamkan mereka dari menikmati perbendaharaan kepelbagaian jenis dan nikmat kepelbagaian pilihan pendapat dan daripada satu sudut yang lain pula, satu perkara yang tidak mungkin dapat dilakukan, kerana bertentangan dengan sunnah Allah<sup>33</sup> yang terdapat di dalam firman Allah S.W.T:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۗ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ۗ إِلَّا مَن  
رَّحِمَ رَبُّكَ ۗ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ  
وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

*“Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut ugama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang*

<sup>32</sup> *Majallah al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī* (t.t), thn. 2 bil. 3, h. 173.

<sup>33</sup> Al-Qaraḏāwī (2005), *op.cit.*, h. 153.

*telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah)); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: "Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)."*

(Surah Hūd, 11: 118-119)

Menurut al-Qaraḍāwī lagi berdasarkan kepada pengalaman dan percubaan untuk menghapuskan perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, yang dilakukan oleh pendokong yang menyatakan perlu wujud satu aliran pendapat sahaja dalam Islam, ia menambahkan lagi perselisihan dan bukan mengurangkannya, malah orang-orang yang berusaha menghapuskan mazhab-mazhab sedia ada di kalangan umat Islam, tidak menambahkan selain daripada mewujudkan mazhab kelima dan seterusnya sahaja.<sup>34</sup>

#### • **Menerima Hakikat Kemungkinan Pendapat Orang Yang Tidak Sehaluan Juga Adalah Betul**

Umat Islam perlu menerima hakikat, kemungkinan pendapat orang yang tidak sehaluan juga adalah betul. Setiap pendapat orang yang tidak sehaluan, kemungkinan betul dan kemungkinan juga pendapat kita sendiri salah. Kemungkinan berlaku salah kepada pendapat seseorang mujtahid, ahli fikir atau pengkaji, di samping kemungkinan juga betul pendapat orang yang tidak sehaluan, mendekatkan jarak perbezaan di antara dua pendapat atau aliran pemikiran<sup>35</sup>. Al-Qur'an dan juga al-Sunnah sendiri menjelaskan perkara ini. Firman Allah S.W.T:

وَدَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ إِذْ يَحْكُمَانِ فِي الْحَرْثِ إِذْ نَفَشَتْ فِيهِ غَنَمُ الْقَوْمِ وَكُنَّا لِحُكْمِهِمْ شَاهِدِينَ ﴿٣٤﴾ فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ وَكُلًّا آتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا  
وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُدَ الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَاعِلِينَ ﴿٣٥﴾

*“Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Dawud dengan Nabi Sulaiman, ketika mereka berdua menghukum mengenai tanaman-tanaman semasa ia dirosakkan oleh kambing kaumnya pada waktu malam; dan sememangnya Kamilah yang memerhati dan mengesahkan hukuman mereka. Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang*

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> *Ibid*, h. 154.

*dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Dawud;  
dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu.”*

(Surah al-Anbiyā', 21: 78-79)

Ayat ini menjelaskan tentang kefahaman yang ditunjukkan oleh Nabi Allah Dāwūd dan Sulaymān a.s untuk mendapatkan pendapat yang betul, sekalipun keduanya terdiri daripada orang yang pakar di dalam lapangan hukum dan ilmu pengetahuan.

- **Menerima Hakikat Kemungkinan Berlakunya Kepelbagaian Pendapat Yang Betul**

Umat Islam perlu menerima hakikat, kepelbagaian pendapat yang betul, boleh berlaku di dalam sesetengah masalah dan isu. Di mana isu tersebut mempunyai lebih daripada satu pendapat dan ke semua pendapat itu adalah betul, jika dikaitkan dengan bentuk atau situasi tertentu. Kadang-kadang setiap orang daripadanya adalah betul. Cuma salah seorang daripadanya berpegang dengan hukum asal, manakala yang seorang lagi berpegang dengan kelonggaran atau salah satunya berpegang dengan pendapat yang harus, manakala yang kedua berpegang dengan pendapat yang lebih *afḏal*.<sup>36</sup> Dalam sejarah pernah berlaku perkara ini. Ibn 'Umar r.a meriwayatkan:

قال النبي صلى الله عليه وسلم لنا لما رجع من الأحزاب لا يصلين أحد العصر إلا في بني قريظة فأدرك بعضهم العصر في الطريق فقال بعضهم لا نصلي حتى نأتيها وقال بعضهم بل نصلي لم يرد منا ذلك فذكر للنبي صلى الله عليه وسلم فلم يعنف واحدا منهم

*“Nabi S.A.W bersabda kepada kami ketika pulang daripada peperangan Aḥzāb: Jangan ada seorang pun daripada kalangan anda yang menunaikan solat Asar kecuali di perkampungan Bani Qurayzah. Sebahagian daripada mereka bertembung dengan waktu Asar di dalam perjalanan. Sebahagian daripada mereka menyatakan; Kami tidak akan menunaikan solat melainkan setelah sampai ke perkampungan Bani Qurayzah, manakala sebahagian lagi menyatakan: Kami akan menunaikan solat di sini. Rasulullah S.A.W tidak menyuruh kita menunaikan solat di perkampungan Bani Qurayzah. Peristiwa tersebut diceritakan kepada Nabi S.A.W, namun baginda tidak mencela seorang pun dari kalangan mereka.”<sup>37</sup>*

<sup>36</sup> Al-Qaraḏāwī (2005), *op.cit.*, h. 156.

<sup>37</sup> Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitab Ṣolāt al-Khawf”, hadis no. 946, jil. 1, Beirut; Dār al-Fikr, h. 357.



Antaranya juga ialah perbezaan bacaan al-Quran. Kesemuanya adalah betul sekalipun bentuknya berbeza. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a menjelaskan, Rasulullah S.A.W pernah bersabda kepada dua orang sahabat iaitu Hishām bin Hakīm dan ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a yang berselisih mengenai bacaan terhadap surah al-Furqān. Rasulullah S.A.W menyuruh setiap orang daripadanya membaca surah tersebut dan menghukumkan bacaan mereka ke semuanya betul. Seterusnya baginda bersabda:

إن القرآن أنزل على سبعة أحرف فاقراءوا منه ما تيسير

“*Sesungguhnya al-Qur’ān diturunkan di atas tujuh huruf (tujuh bentuk bacaan). Bacalah mengikut yang mudah bagi anda.*”<sup>38</sup>

#### • **Menerima Hakikat Orang Yang Salah Dalam Berijtihad Tetap Diberi Pahala**

Orang Islam perlu menerima hakikat, orang alim yang salah dalam berijtihad, tetap mendapat pahala iaitu diberi satu pahala daripada sisi Allah S.W.T berlainan jika ijtihad yang dilakukannya itu betul, dia mendapat dua pahala. Orang alim yang melakukan ijtihad dan ijtihadnya itu betul, mendapat dua pahala iaitu pertama pahala kerana melakukan ijtihad dan kedua pahala kerana ijtihad yang dilakukannya itu betul. Orang alim yang berijtihad tetapi salah, tetap mendapat satu pahala iaitu pahala kerana menggunakan buah fikiran dan mengerahkan seluruh tenaganya mencari pendapat yang benar. Cuma dia tidak diberi taufik ke arah pendapat yang benar. Sewajarnya dia tidak diharamkan dari menikmati pahala ijtihad daripada kajian yang dibuatnya itu.<sup>39</sup> ‘Amrū bin al-‘Āṣ r.a meriwayatkan, Rasulullah S.A.W bersabda:

إذا حكم الحاكم فاجتهد ثم أصاب فله أجران وإذا حكم فاجتهد ثم أخطأ فله أجر

“*Apabila hakim ingin menjatuhkan hukum, lalu melakukan ijtihad kemudian ijtihadnya itu betul, dia mendapat dua pahala. Apabila hakim menjatuhkan hukum, kemudian tersalah, dia mendapat satu pahala sahaja.*”<sup>40</sup>

Dengan itu, orang yang melakukan ijtihad tetapi tersalah, wajar diberi kemaafan. Dia tidak wajar dicela atau ditolak dengan keras, malah tidak wajar

<sup>38</sup> Al-Bukhārī (1991), *op.cit.*, “Kitāb al-Khuṣūmat”, hadis no. 2149, jil. 3, hh. 123-124.

<sup>39</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 157.

<sup>40</sup> Al-Bukhārī (1991), *op.cit.*, “Kitāb al-I’tiṣām Bi al-Kitāb Wa al-Sunnah”, hadis no. 7352, jil. 8, h. 198.

ditujukan sebarang kritikan dan bantahan yang tidak berhemah dan tidak cermat.

- **Menerima Hakikat Tidak Boleh Menolak Perbezaan Pendapat Di Kalangan Ulama**

Umat Islam perlu menerima hakikat tidak boleh menolak perbezaan pendapat di kalangan ulama. Dengan lain perkataan, tidak harus kepada seorang mujtahid menolak ijtihad yang dilakukan oleh mujtahid lain yang seumpama dengannya di dalam masalah ijtihad, kerana tidak ada seorompok mujtahid yang boleh dikatakan mempunyai pendapat yang paling utama dari segi betulnya, asalkan konsep maksum tidak wujud pada semua orang yang berjihad itu, manakala kemungkinan betul atau salah sama sahaja bagi semua pihak.<sup>41</sup> Imam al-Ghazālī pernah menyebut di dalam *Iḥyā’nya* di dalam *kitāb al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘an al-Munkar* berkaitan dengan rukun *ḥisbah*. Antara lain beliau menyebut:

*“Hendaklah perkara mungkar itu, sedia maklum diketahui dan tidak melibatkan lapangan ijtihad, kerana setiap yang melibatkan lapangan ijtihad, tidak boleh menolaknya. Dengan itu seorang yang bermazhab Ḥanafī tidak boleh menolak orang yang bermazhab al-Syāfi’ī yang memakan musang, manakala orang yang bermazhab al-Syāfi’ī pula tidak boleh menolak orang yang bermazhab Ḥanafī, yang melangsungkan perkahwinan tanpa wali dan meminum nabīz yang tidak memabukkan.”*<sup>42</sup>

Imām al-Nawawī pula mengulas hadis mencegah kemungkaran:

*“Para ulama menolak perbuatan melakukan perkara yang bercanggah dengan yang telah diijmakkan oleh imam-imam mazhab, sebaliknya di dalam perkara-perkara yang masih menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan mereka, tidak boleh menolaknya, kerana salah satu pandangan mazhab ulama mengatakan: Setiap mujtahid adalah betul dan inilah pendapat yang terpilih di sisi kebanyakan ulama muḥaqqiqīn. Berdasarkan kepada pendapat yang lain, pendapat yang betul hanya satu sahaja, manakala pendapat yang salah, tidak dapat ditentukan. Kerana itu dosa terangkat daripadanya.”*<sup>43</sup>

<sup>41</sup> Al-Qaraḏāwī (2005), *op.cit.*, h. 159.

<sup>42</sup> Abū Hāmid al-Ghazālī (t.t), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, jil. 2, Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 324.

<sup>43</sup> Muḥy al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī (1981), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, jil. 2, Beirut: Dār al-Fikr Li al-Ṭibā’ah Wa al-Nashri Wa al-Tawzī’, h. 33.

Ini sesuai dengan kaedah *fiqh*:

لا ينكر المختلف فيه وإنما ينكر المجمع عليه

“Tidak boleh ditolak (jika seseorang melakukan) perkara yang masih menimbulkan perselisihan di kalangan ulama, sebaliknya boleh ditolak (jika seseorang melakukan) perkara yang bertentangan dengan yang telah disepakati oleh ulama.”<sup>44</sup>

• **Menerima Hakikat Semua Madhhab Yang Muktabar Merupakan Jalan Untuk Mengenal Pasti Hukum Syarak**

Umat Islam perlu menerima hakikat, semua mazhab yang muktabar merupakan jalan untuk mengenal pasti hukum syarak. Kesemuanya berada di atas landasan syarak dan kebaikan pada umumnya dan bukan pada keseluruhan perkara yang menjadi pegangan mereka. Boleh dikatakan, tidak ada satu mazhab yang tidak tidak sunyi dari dalil yang lemah dan sumber pengambilan tidak memuaskan, di dalam masalah yang dipegangnya. Ini merupakan perkara biasa yang berlaku kepada manusia yang tidak maksum. Namun begitu, ia tidak mengurangkan kedudukan sesuatu mazhab dan juga pengasas mazhab tersebut, kerana dia tetap diberi pahala, sekalipun di atas kesalahannya, kerana ke semua pihak, berkongsi di dalam perkara tersebut. Sehubungan dengan itu, tidak harus menunjukkan sifat taksub kepada satu-satu mazhab dan menolak mazhab-mazhab yang lain. Sifat taksub bukannya petunjuk yang ditinggalkan oleh generasi salaf.<sup>45</sup> Imām al-Suyūfī pernah mengulas di dalam *Jazīl al-Mawāhib Fī Ikhtilāf al-Madhāhib*:

“Perbezaan mazhab di dalam agama ini, merupakan satu nikmat yang besar dan kelebihan yang agung. Ia mempunyai rahsia yang halus, yang hanya diketahui oleh para ulama dan tidak diketahui oleh orang-orang yang jahil. Saya sendiri pernah mendengar sesetengah orang jahil menyatakan: Nabi S.A.W membawa satu syariat sahaja, daripada mana pula datangnya mazhab empat? Antara yang pelik juga ialah orang yang melebihikan sebahagian mazhab ke atas sebahagian mazhab yang lain, dalam bentuk merendah-rendah dan menjatuhkan mazhab yang menjadi mangsa, malah kadang-kadang membawa kepada permusuhan di kalangan orang-orang yang bodoh dan timbul semangat asabiyah dan jahiliah. Para ulama sebenarnya membebaskan diri dari semua itu. Perselisihan pendapat berlaku di kalangan generasi salaf terdahulu di dalam perkara cabang, namun tidak pernah

<sup>44</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūfī (t.t), *al-Ashbāh Wa al-Nazā’ir*, Miṣr: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 175.

<sup>45</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 204.

*dinakalkan adanya di kalangan mereka yang memusuhi orang lain dan tidak pula dinakalkan adanya dari kalangan mereka, menyandarkan kekurangan kepadanya. Dengan itu, diketahui perbezaan mazhab yang terdapat di dalam umat ini, merupakan satu kelebihan khusus dan juga satu keluasan di dalam syariat yang toleransi lagi mudah.*"<sup>46</sup>

Ibn Taymiyah pula menyatakan:

*"Orang yang jelas kepadanya kelebihan seseorang imam berbanding dengan imam lain atau kelebihan seseorang syeikh berbanding dengan syeikh lain, berdasarkan kepada ijtihadnya, sebagaimana orang-orang Islam berselisih pendapat, manakah yang lebih utama melakukan tarjī' ketika azan atau meninggalkannya? Mengganjilkan iqāmah atau menggenapkannya? ...membaca qunut pada waktu fajar atau meninggalkannya? Melantangkan bacaan basmalah atau menyembunyikannya? Atau tidak perlu membaca al-Fātihah langsung? dan sebagainya. Masalah-masalah ini adalah masalah ijtihad yang menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan generasi awal umat Islam dan tokoh-tokoh terkemuka mereka. Setiap orang dari kalangan mereka memperakui ijtihad yang dilakukan oleh tokoh lain. Sesiapa yang menepati kebenaran, mendapat dua pahala. Sesiapa yang tersalah, mendapat satu pahala. Kesalahannya dimaafkan. Sesiapa yang terserlah kepadanya keperluan bertaklid kepada Imām al-Syāfi'ī, tidak pernah menolak orang yang terserlah kepadanya keperluan bertaklid kepada Imām Mālik. Orang yang terserlah kepadanya keperluan bertaklid kepada Imām Mālik, tidak menolak orang yang terserlah kepadanya, keperluan bertaklid kepada mazhab al-Syāfi'ī dan seterusnya.*"<sup>47</sup>

## **Menjaga Adab-Adab Berbeza Pendapat**

Bagi al-Qaraḏāwī, perbezaan pendapat dalam masalah cabang *fiqh*, sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Namun adab-adab di dalam berbeza pendapat tetap perlu dijaga sebagai satu formula mengekalkan perpaduan ummah. Antara adab yang perlu dijaga menurut beliau ialah:

<sup>46</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūfī (t.t), *Jazīl al-Mawāhib Fī Ikhtilāf al-Madhāhib*, Taḥqīq Ibrāhīm Bājīs 'Abd al-Majīd, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, hh. 21-22.

<sup>47</sup> Aḥmad Taqiy al-Dīn Ibn Taymiyah (t.t), *Majmū' Fatāwā*, jil. 20, Maktabah 'Isā al-Ḥalabī, hh. 291-293.

### • Berlaku Adil Kepada Orang Yang Tidak Sehaluan

Orang Islam yang sebenar ialah yang menghukum berdasarkan kepada keadilan dan berlaku adil kepada semua orang, baik yang baik mahupun yang jahat, baik yang Islam mahupun yang bukan Islam, baik yang dekat mahupun yang jauh dan baik kawan mahupun lawan. Keadilan tidak pernah mengenali sentimen kasih sayang dan kebencian.<sup>48</sup> Allah S.W.T memerintahkan orang Islam berlaku adil di dalam firmanNya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ  
شَفَاۗءُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا ۗ اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ  
خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”*

(Surah al-Mā'idah, 5: 8)

Saranan al-Qaraḍāwī di atas amat baik, kerana ia merupakan jalan yang ditempuhi oleh tokoh besar ulama Islam terdahulu. Misalnya Ibn Jawzī yang merupakan seorang tokoh ulama yang berwibawa dan pengkritik yang tajam pernah mengkritik hebat ahli-ahli sufi termasuk Imām al-Ghazālī, yang dilihat oleh beliau memberi saham di dalam mencemarkan beberapa ajaran Islam yang suci. Antara lain beliau menulis tentang al-Ghazālī:

*“Kemudian muncul pula Abū Ḥāmid al-Ghazālī, lalu mengarang sebuah buku berjudul Ihyā' 'Ulūm al-Dīn dan menghuraikannya mengikut cara yang diketengahkan oleh ahli-ahli sufi. Beliau memenuhkan karyanya itu, dengan hadis-hadis batil, dalam keadaan beliau sendiri tidak menyedarinya. Beliau juga berbicara tentang ilmu mukāshafah dan keluar dari disiplin ilmu fiqh. Beliau menyatakan yang dimaksudkan dengan bintang, matahari dan bulan yang dilihat oleh Nabi Ibrahim a.s, adalah*

<sup>48</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 170.

*cahaya-cahaya, yang merupakan hijab-hijab Allah. ...al-Ghazālī juga menyebut di dalam karyanya itu, dalam keadaan sadar, ahli-ahli sufi dapat menyaksikan malaikat dan roh-roh para Nabi dan mendengar suara-suara mereka dan juga mengambil faedah daripada mereka. Setelah itu, hal keadaan tersebut meningkat naik lagi daripada penyaksian berbentuk gambaran lahir, kepada tingkat-tingkat yang lebih tinggi, yang sukar untuk diungkapkan dengan kata-kata.*"<sup>49</sup>

Ibn Jawzī berpendapat demikian, kerana beliau melihat kebanyakan bahan yang dimuatkan di dalam karya ahli-ahli sufi, termasuklah *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, tidak berdasarkan kepada sebarang dalil daripada syarak, manakala perbincangan tentang perkara-perkara yang menyentuh tentang hati secara mendalam, tidak pernah dilakukan oleh generasi sahabat dan tabi'in, sedangkan mereka generasi sebaik-baik ikutan. Beliau lebih suka perbincangan tentang hati itu dilakukan dibawah bayangan al-Quran dan al-Sunnah, kerana itu lebih mendekati masyarakat dengan kedua sumber utama itu. Namun begitu, Ibn Jawzī tidak menafikan nilai kitab *Iḥyā' Ulūm al-Dīn* kepada masyarakat dan Islam dan tidak menolak seratus peratus buku tersebut. Sebaliknya beliau telah merengskakan karya tersebut kepada dua jilid, dengan meletakkan judul baru iaitu *Minḥāj al-Qāṣidīn*. Di dalam karya ini, beliau membuang hadis-hadis dan cerita-cerita yang tidak sahih yang terdapat di dalam *al-Iḥyā'*. Walau bagaimanapun, majoriti teknik persembahan buku ini, masih mengekalkan bentuk persembahan yang dilakukan oleh al-Ghazālī. Al-Buhūṭī seorang tokoh ulama bermazhab Mālikī pernah menjelaskan;

*"Sesiapa yang beramal dengan perkara cabang, yang menimbulkan perselisihan yang besar di kalangan imam-imam utama, seperti orang yang berkahwin tanpa wali atau tanpa saksi atau orang yang meminum nabīz yang tidak memabukkan atau melewatkan zakat atau haji kerana melakukan takwilan atau bertaklid kepada orang yang berpendapat ia halal, tidak boleh ditolak persaksiannya, kerana sahabat r.a berselisih pendapat di dalam perkara cabang, namun mereka menerima persaksian setiap orang yang tidak sehaluan. Ia melibatkan ijtihad yang diharuskan, yang mana orang yang tidak sehaluan, tidak boleh dihukumkan sebagai fasik. Perkara ini seolah-olah telah disepakati di kalangan mereka."*<sup>50</sup>

<sup>49</sup> Jamāl al-Dīn Abū al-Farraj 'Abd al-Raḥman ibn al-Jawzī al-Baghdādī (t.t), *Talbīs Iblīs*, Mesir: Maṭba'ah Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabīyah, h. 161.

<sup>50</sup> Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūṭī (1982), *Kashshāf al-Qinā'*, jil. 6, Dār al-Fikr, h. 342.

### • **Bekerjasama Di Dalam Perkara Yang Disepakati**

Imam-imam yang berselisih pendapat di antara satu sama lain, tidak pernah berselisih pendapat di dalam semua masalah. Mereka hanya berselisih pendapat dalam beberapa isu tertentu, tetapi bersepakat di dalam isu lain dan ini sudah menjadi satu sunnah Allah ke atas para makhlukNya. Jika kita lihat perselisihan yang berlaku di kalangan imam-imam mazhab empat, kita akan dapati mereka berselisih pendapat di dalam beberapa isu dan bersepakat dalam beberapa isu yang lain. Bagi seseorang pengkaji perbezaan pendapat yang berlaku di kalangan ulama, akan mendapati kebanyakan masalah *fiqh* yang diperselisihkan di kalangan madhhab, merupakan rahmat Allah S.W.T kepada umat Islam. Malah antara faktor keluasan dan keanjalan yang terdapat dalam syariat Allah S.W.T dan antara punca kesuburan *fiqh*.<sup>51</sup>

Masalah-masalah yang menjadi ijmak di kalangan ulama, adalah terbatas dan sedikit sekali, namun begitu begitu penting, kerana membentuk perpaduan akidah, pemikiran, perasaan dan juga tindak tanduk umat Islam. Sehubungan dengan itu, menjadi kewajipan kepada ulama dan pendakwah, mengambil berat tentang dua perkara iaitu:

- a. Berusaha bersungguh-sungguh dengan penuh keikhlasan untuk meluaskan titik persepakatan dan memperdalamkannya ke dalam jiwa dan kehidupan umat dan meluaskan lagi skopnya melalui apa-apa jalan sekalipun seperti dialog yang membina, penyelidikan yang bermatlamat dan penganalisan ilmu yang bersih, yang mendekatkan jurang perbezaan di antara dua pihak.
- b. Berpegang teguh dengan kaedah yang dikemukakan oleh Imam Muḥammad Rashīd Reḍā iaitu saling bekerjasama di dalam perkara yang menimbulkan persepakatan dan saling maaf memaafi antara satu sama lain di dalam perkara yang menimbulkan perselisihan.<sup>52</sup>

Di dalam kehidupan kita hari ini, banyak perkara yang menjadi sepakat di kalangan ulama. Antaranya ulama bersepakat untuk memerangi golongan atheis dan penyeru-penyeru fahaman materialistik, yang menyebarkan kekufuran terhadap Allah dan hari Akhirat, orang yang menentang konsep beriman dengan perkara ghaib, menolak wahyu Allah, ajaran-ajaran para nabi dan tidak beriman kecuali dengan benda-benda yang boleh dilihat oleh mata kasar sahaja dan lain-lain.

---

<sup>51</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 180.

<sup>52</sup> *Ibid*, h. 181.



Sekiranya umat Islam bekerjasama di antara satu sama lain dan setiap orang dari kalangan mereka, meletakkan tangannya pada tangan saudaranya, sudah tentu mereka menjadi golongan yang disebutkan oleh Rasulullah S.A.W dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Abū Mūsā r.a:

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضا

“*Bandingan orang mukmin dengan orang mukmin yang lain bagaikan binaan yang saling kuat menguat di antara satu sama lain.*”<sup>53</sup>

Keperluan bekerjasama dalam perkara yang menjadi kesepakatan di kalangan ulama, melibatkan juga kerjasama dengan ahli-ahli bid’ah dan menyeleweng. Ini kerana ahli-ahli bid’ah dan menyeleweng itu sendiri mempunyai banyak tahap. Ada pelaku bid’ah yang berat dan ada juga yang ringan. Ada pelaku bid’ah yang mengkafirkan dan ada yang tidak mengkafirkan. Tidak ada salahnya, kalau kita bekerjasama dengan ahli-ahli bid’ah itu, dalam perkara yang menjadi sepakat di kalangan di kalangan umat Islam, seperti perkara asas agama dan kemaslahatan dunia, di dalam menentang orang yang lebih dahsyat perlakuan bid’ahnya dan lebih teruk kesesatannya, kerana melaksanakan kaedah membendung salah satu daripada dua kemudaratan.<sup>54</sup>

#### • Bertoleransi Dalam Perkara Yang Menimbulkan Perbezaan Pendapat

Masalah-masalah yang menimbulkan perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh* di kalangan ulama, perlu dilihat oleh umat Islam dengan dada yang lapang dan ufuk yang luas. Tidak boleh taksub kepada suatu pendapat sehingga sanggup menentang suatu pendapat yang lain, suatu mazhab sehingga menentang suatu mazhab yang lain dan seseorang imam sehingga menentang imam lain, kerana ke semuanya berada di atas landasan petunjuk dan kebaikan. Semua mereka mengorbankan usaha di dalam mencari kebenaran semata-mata kerana Allah. Tidak sewajarnya perbezaan pendapat, menyebabkan kita melihat orang yang tidak sehaluan dengan pandangan permusuhan, keraguan dan juga kekurangan. Hanya orang yang sempit dada sahaja, akan berbuat demikian.<sup>55</sup>

Umat Islam perlu mengamalkan sikap toleransi dengan orang yang tidak sehaluan. Yang paling besar sekali ialah menghormati pendapat dan ijtihad yang dilakukannya. Inilah yang banyak berlaku di kalangan tokoh imam-imam salaf terdahulu. Mereka tidak pernah mengaibkan antara satu sama

<sup>53</sup> Al-Bukhārī (1991), *op.cit.*, “Kitāb al-Birri Wa al-Ṣilah Wa al-Adab,” hadis no. 6076, jil. 7, h. 106.

<sup>54</sup> Al-Qaraḏāwī (2005), *op.cit.*, hh. 185-187.

<sup>55</sup> *Ibid*, h. 188.

lain, bahkan sebahagian daripada mereka sentiasa mencari keuzuran terhadap sebahagian yang lain. Mereka juga menghargai dan mengasihi antara satu sama lain. Bahkan kadang-kadang ada di kalangan mereka, apabila ditanya tentang sesuatu perkara, mereka tidak menjawabnya, sebaliknya menasihatkan kepada orang yang bertanya, agar merujuk kepada tokoh lain.

‘Ali bin al-Madīnī pernah berbahas dengan Yaḥyā bin Ma‘īn di dalam Masjid al-Khīf tentang hukum orang yang menyentuh alat kelamin, adakah membatalkan wuduk atau tidak, dengan dihadiri oleh Imam Aḥmad bin Ḥanbal. Kata Yaḥyā: Orang itu perlu mengambil wuduk. Beliau berhujah dengan hadis Buṣrah binti Ṣafwān. Manakala ‘Ali berhujah dengan hadis Ṭalq bin Qays iaitu sabda Rasulullah sesungguhnya alat kelamin itu adalah sebahagian daripada anda. Seterusnya Yaḥyā berhujah dengan pendapat Ibn ‘Umar, manakala ‘Ali berhujah dengan pendapat ‘Ammār. Melihat perbahasan tersebut Imam Aḥmad mencelah: ‘Ammār dan Ibn ‘Umar berada pada tahap yang sama. Sesiapa yang mahu berpegang dengan pendapat ini (batal wuduk), boleh berbuat demikian dan sesiapa yang ingin berpegang dengan pendapat lain (tidak batal wuduk), juga boleh berbuat demikian.<sup>56</sup>

Antara tanda toleransi ialah meninggalkan sebahagian amalan sunnah di dalam ibadah dan lain-lain, demi menyatukan hati-hati ummah. Imam Aḥmad pernah meninggalkan dua rakaat solat sunat sebelum Maghrib, kerana orang ramai menolak pelaksanaan solat tersebut. Antara alasan yang dikemukakan beliau ialah: Saya melihat masih terdapat di kalangan orang ramai yang tidak mengetahui tentang pensyariaan dua rakaat solat sunat sebelum Maghrib.<sup>57</sup>

Antara tanda toleransi juga ialah tidak menolak amalan yang sudahpun biasa dilakukan oleh penduduk setiap negeri, yang diwarisi oleh generasi kemudian daripada generasi terdahulu mereka. Al-Dārimī meriwayatkan dengan *sanadnya* daripada Ḥāmid katanya;

*“Saya pernah menyatakan kepada ‘Umar bin Abd al-‘Azīz: Alangkah baiknya kalau tuan mengumpulkan orang ramai di atas satu landasan sahaja? Jawabnya: Tidak menggembirakan saya, kalau mereka tidak berbeza pendapat. Katanya: Setelah itu ‘Umar menulis surat ke seluruh pelusuk negara dan bandar-bandar utama: Hendaklah setiap kelompok masyarakat itu, menghukum berdasarkan kepada apa yang diputuskan oleh ulama fiqh mereka.”*<sup>58</sup>

<sup>56</sup> Abū Bakr bin ‘Ali al-Bayhaqī, (t.t), *al-Sunan al-Kubrā*, “Kitāb al-Ṭahārah,” jil. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 136.

<sup>57</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 195.

<sup>58</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān bin Burhām al-Dārimī (1981), *Sunan al-Dārimī*, “Kitāb al-Muqaddimah,” hadis no. 53, Turki: Cagri Yayinlari, h. 151.

Ibn Taymiyyah menolak hujah golongan yang berpendapat perlu sentiasa membaca qunut dalam solat Subuh, kerana tidak dinakalkan daripada Nabi S.A.W secara *ṣaḥīḥ* mahupun *ḍa'īf* tentang perkara tersebut. Baginda S.A.W hanya membaca qunut apabila menghadapi sesuatu perkara dan bencana dalam kehidupan umat Islam sahaja. Para sahabat kanan pula tidak ada seorangpun yang meriwayatkan perkara tersebut daripada Baginda S.A.W, padahal mereka adalah orang yang paling alim tentang sunnah Baginda S.A.W. Namun begitu beliau berpendapat sewajarnya kepada makmum mengikut imamnya dalam perkara yang harus berlaku ijtihad. Apabila imam membaca qunut, makmum hendaklah juga membaca qunut dan makmum sekali-kali tidak boleh mendahului imam, kerana tindakan tersebut membawa keburukan kepada umat Islam dan perpecahan di kalangan mereka.<sup>59</sup>

#### • Berdialog Dengan Cara Yang Baik

Umat Islam diperintahkan supaya sentiasa berdialog dengan golongan yang tidak sehaluan, hatta dalam perkara akidah. Kalau dialog boleh dilakukan dalam perkara *uṣūl*, bagaimana ia tidak boleh dilakukan dalam perkara cabang *fiqh*? Umat Islam diperintahkan berdialog dengan menggunakan cara yang terbaik, *ushub* yang paling utama dan ungkapan yang paling lembut.<sup>60</sup> Firman Allah S.W.T:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ  
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

(Surah al-Naḥl, 16: 125)

Perkara penting dalam mengadakan dialog ialah seseorang itu tahu objektif dialog, berusaha untuk memenuhi adab dialog dan menekuni bahasa dialog itu sendiri. Bukan menjadi tujuan dialog, pihak yang tidak sehaluan, mesti menggugurkan pendapatnya, samada untuk menerimapakai pendapat orang

<sup>59</sup> Ibn Taymiyyah (2003), *Fatāwā al-Ṣalāh*, Taḥqīq: Rifā‘ah al-Ṭaḥṭāwī, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 459.

<sup>60</sup> Al-Qaraḏāwī (2005), *op.cit.*, h. 198.

lain atau sebaliknya. Kadang-kadang tujuan berdialog adalah untuk mencari titik pertemuan yang membolehkan umat Islam bekerja di atas satu landasan, mengikut yang termampu.

Pendialog *mithali* ialah orang yang bersedia menggugurkan sifat keakuannya dan membebaskan diri daripada segala bentuk *'aşabiyah*. Dia bersedia menerima pakai pendapat orang lain, jika jelas pendapatnya salah dan pendapat orang yang tidak sehaluan adalah betul. Kerana kebenaran itu lebih berhak diikuti.

Menurut Syeikh 'Ali Jarīsyah, antara ciri pendialog yang baik ialah mengelakkan diri dari membatalkan dakwaan orang yang tidak sehaluan sebelum memberi ruang kepadanya mengemukakan hujah. Juga menjauhi dari berdialog dengan tujuan menzahirkan kelebihan diri sendiri dan bukan menzahirkan kebenaran.<sup>61</sup>

Seorang tokoh ulama bernama 'Ubaydillah bin al-Ḥasan al-Anbārī pernah mengeluarkan satu pendapat dalam suatu isu. Setelah itu beliau berdialog dengan Imām 'Abd al-Raḥman bin Maḥdī dan al-Anbārī berpuas hati dengan pendapat yang dikemukakan 'Abd al-Raḥman, lalu menarik kembali pendapatnya dengan penuh keberanian. Beliau menyatakan: “Saya menarik balik pendapat saya dengan penuh rasa rendah diri. Demi Allah, sekiranya saya menjadi ekor di dalam menyatakan kebenaran adalah lebih baik daripada menjadi kepala di dalam menyatakan kebatilan.”<sup>62</sup>

#### • **Menunaikan Solat Di Belakang Orang Yang Tidak Sehaluan**

Antara bentuk menjaga adab dalam berbeza pendapat ialah tetap menunaikan solat di belakang orang yang tidak sehaluan, sekalipun seseorang itu berpendapat, solat orang itu tidak sah mengikut mazhabnya, asal sahaja dikira sah menurut mazhab orang yang mengimami solat itu.<sup>63</sup>

Ibn Ḥazm pernah menjawab satu soalan yang ditujukan kepada beliau berkaitan dengan makmum yang menunaikan solat di belakang imam yang tidak bermazhab dengan mazhab yang menjadi pegangannya. Antara lain beliau menyatakan:

*“Sebenarnya isu tidak boleh solat di belakang orang yang tidak sama mazhab adalah isu yang diwar-warkan oleh golongan Khawārij. Golongan Khawārijlah yang membongkar kedudukan*

<sup>61</sup> 'Ali Jarīsyah (1989), *Ādāb al-Ḥiwār Wa al-Munāzarah*, al-Mansūrah: Dār al-Wafā', hh. 70-71.

<sup>62</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 200.

<sup>63</sup> *Ibid*, h. 218.

*mazhab mereka di kalangan orang ramai dan menguji orang ramai dengan mazhab yang menjadi pegangan mereka itu. Jalan mereka telah diikuti selepas itu oleh khalifah al-Ma'mūn, al-Mu'tasim dan juga al-Wāthiq ketika berhadapan dengan Ibn Abī Dāwūd, Bishr al-Muraysī dan orang-orang yang bersama dengan mereka. Sebenarnya tidak ada seorang pun dari kalangan sahabat Rasulullah s.a.w dan juga tābi'īn terpilih yang menegah orang ramai dari menunaikan solat di belakang imam, yang menjadi imam mereka sekalipun di belakang al-Ḥajjāj, Hubaysy bin Duljah dan juga Mukhtār bin Abī 'Ubayd. Tokoh-tokoh yang dinyatakan ini dituduh sebagai telah kufur. Ibn 'Umar pernah dikemukakan soalan di atas. Beliau menyatakan: Sesiapa yang mengucapkan: Marilah menunaikan solat, kami akan menyahut seruannya, tetapi apabila mereka mengucapkan; Marilah menumpahkan darah, kami akan meninggalkan mereka.*"<sup>64</sup>

Bahkan kalau seseorang Islam itu fasik sekalipun, tidak menjadi masalah menunaikan solat di belakangnya. Ulama mazhab Ḥanafī,<sup>65</sup> al-Shāfi'ī<sup>66</sup> dan al-Zāhirī<sup>67</sup> berpendapat, harus berimamkan imam fasik di dalam solat. Inilah juga pandangan yang muktamad di sisi ulama mazhab Mālikī<sup>68</sup>, asalkan kefasikan imam itu, tidak berkaitan dengan solat seperti tidak menyempurnakan rukun solat. Ia juga merupakan satu riwayat daripada Aḥmad bin Ḥanbal r.a.<sup>69</sup>

Malah dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Abū Zar r.a katanya: Rasulullah S.A.W bersabda kepada saya:

كيف أنت إذا كانت عليك أمراء يؤخرون الصلاة عن وقتها أو يميئون الصلاة  
عن وقتها قال قلت فيما تأمرني قال صل الصلاة فإن أدركتها معهم فصل فإنها  
لك نافلة

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Muḥammad bin 'Abd al-Wāhid al-Siwāsī al-Kamāl Ibn al-Humām (1389H), *Fathḥ al-Qadīr Syarḥ al-Hidāyah*, jil. 1, Misr: Maṭba'ah Muṣtafa' al-Bābī al-Ḥalabī, h. 350.

<sup>66</sup> Al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, jil. 4, h. 152; Jalāl al-Dīn al-Maḥallī (t.t), "Syarḥ Jalāl al-Dīn al-Maḥallī 'Alā al-Minhāj", dlm. Qalyubī Wa 'Umayrah, *Ḥāshiyah Qalyubī Wa 'Umayrah 'Ala Sharḥ Jalāl al-Dīn al-Maḥallī*, jil. 1, Maṭba'ah 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 234.

<sup>67</sup> Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad Ibn Ḥazm (1387H), *al-Muḥallā*, jil. 4, Maktabah al-Jumhūriyyah al-'Arabīyyah, h. 298.

<sup>68</sup> 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Qudāmah (1393H), *al-Syarḥ al-Kabīr*, jil. 1, Misr: Maṭba'ah al-Manār, h. 326.

<sup>69</sup> *Ibid.*

*“Bagaimana keadaan anda, apabila nanti ada amir-amir yang melewati solat daripada waktunya?” Katanya, Saya berkata: “Apakah yang tuan perintahkan saya lakukan?” Sabda Baginda: “Tunaikanlah solat pada waktunya. Jika sempat bersolat bersama dengan mereka, solatlah dengan mereka, kerana solat anda itu akan menjadi solat sunat kepada anda.”<sup>70</sup>*

Hadis di atas menjelaskan, akan ada di kalangan pemimpin umat Islam yang melewati solat daripada waktu tanpa sebarang keuzuran dan perbuatan tersebut, adalah fasik. Namun Nabi S.A.W tetap memerintahkan umat Islam menunaikan solat bersama-sama dengan mereka. Sekiranya solat tersebut tidak sah, nescaya baginda tidak akan memerintahkan berbuat demikian.

#### • Menjaga Adab Dengan Tokoh Besar Dan Para Ulama

Antara adab berbeza pendapat dalam perkara cabang *fiqh* ialah menghormati tokoh-tokoh ulama besar, mengenali kelebihan mereka dan melakukan dialog dengan cara yang baik dengan mereka. Antara nilai Islam yang terpuji ialah kanak-kanak menghormati orang dewasa, manakala orang dewasa pula menunjukkan belas kesihan kepada kanak-kanak.<sup>71</sup> Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Ibn ‘Abbās r.a menjelaskan:

ليس من أمتي من لم يجل كبيرنا ويرحم صغيرنا ويعرف لعالمنا حقه

*“Tidak termasuk ke dalam ertikata umatku, orang yang tidak tahu menghormati orang tua kita, tidak menunjukkan kesihan belas kepada kanak-kanak kita dan tidak mengenali hak orang alim kita.”<sup>72</sup>*

Rasulullah S.A.W juga bersabda dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Ibn ‘Abbās r.a:

البركة مع أكابركم

*“Keberkatan itu bersama dengan orang-orang tua anda.”<sup>73</sup>*

Allah S.W.T memerintahkan seorang anak berbuat baik kepada ibu bapa mereka. Firman Allah S.W.T:

<sup>70</sup> Muslim bin Hajjāj (2007), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*, “Kitab al-Ṣalāh”, hadis no. 229, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 79.

<sup>71</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 228.

<sup>72</sup> Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīm bin ‘Abd al-Qawī al-Mundhirī (1968), *al-Targhīb Wa al-Tarhīb Min al-Ḥadīth al-Sharīf*, jil. 1, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 113.

<sup>73</sup> *Ibid.*

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَيَالِ الْوَالِدِينَ إِحْسَنًا ۚ إِنَّمَا يَبُلِّغُنَّ عَنْدَكَ  
الْكَبِيرَ أَحَدُهُمَا ۖ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرَهُمَا ۚ وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا  
كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ ۚ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا  
رَبَّيْنِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾﴾

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil.”

(Surah al-Isrā’, 17: 23-24)

Di dalam Islam, ulama mempunyai kedudukan yang tinggi, sebagaimana firman Allah S.W.T:

﴿ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾﴾

“...Katakanlah lagi (kepadanya): ”Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?”  
Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.”

(Surah al-Zumar, 39: 9)

Mereka juga merupakan pewaris Rasulullah S.A.W dari segi menjelaskan jalan petunjuk dan agama yang benar. Sehubungan dengan itu, adalah satu perkara yang tidak dapat diterima di dalam Islam, apabila seseorang itu menunjukkan sikap kurang ajar, menjatuhkan martabat dan mencerooboh kehormatan para ulama. Allah S.W.T mengharamkan perbuatan menjatuhkan kehormatan sesama Islam, sebagaimana Dia mengharamkan darah dan harta



benda mereka dari diceroboh, sehinggakan kehormatan seorang Mukmin itu dikira lebih besar di sisi Allah berbanding dengan kehormatan kaabah di *Bayt Allāh*. Ini dilihat kepada kedudukan orang Mukmin yang biasa, bagaimana pula dengan orang alim yang membawa warisan para Nabi?<sup>74</sup>

Amat malang sekali mereka yang menunjukkan sikap kurang ajar kepada para ulama, menganggap mereka juga terdiri daripada ahli ilmu dan mereka berbuat demikian, kerana mempertahankan kebenaran. Padahal kalau benar-benar mereka orang yang berilmu, sudah tentu mereka akan mengetahui hak yang sepatut diberikan kepada para ulama. Hatta seandainya seseorang alim itu tersalah di dalam mengeluarkan sesuatu pendapat pada pandangan orang yang tidak sehaluan dengannya, namun ijtihad yang dilakukan secara tersalah itu, akan diampunkan oleh Allah, bahkan diberi pahala di atas kesungguhannya menggunakan segala akal fikiran untuk mengenal pasti sesuatu masalah itu. Berlaku kesalahan dari orang alim yang mengeluarkan fatwa dan mengajar orang ramai, tidak memudaratkannya dan tidak juga mengeruhkan keheningan perjalanan hidupnya, kerana kesalahan ini tenggelam di dalam lautan kebbaikannya. Apalagi air kalau sudah sampai dua kulah, tidak lagi menanggung sebarang najis. Kalau Islam melarang perbuatan mencaci demam, angin, binatang, ayam jantan dan lain-lain, sudah tentu lebih utama ia melarang perbuatan sesetengah orang, mencaci para ulama. Sebenarnya tidak ada orang yang berani mencaci ulama selain daripada orang bodoh sahaja.<sup>75</sup>

Walau bagaimanapun, di dalam memberikan penghormatan kepada ulama, jangan ada unsur keterlaluan sepertimana yang berlaku kepada sesetengah ahli sufi, yang mencium tanah di hadapan guru mereka sehinggakan ada yang mengatakan: Sesiapa yang berkata: Kenapa? Kepada syeikhnya, tidak akan berjaya. Mereka juga menyatakan: Murid di hadapan guru bagaikan mayat di hadapan pemandinya. Tidak wajar keperibadian murid dilenyapkan sehingga kebatasan ini. Menjadi haknya untuk bertanya dan memahami. Menjadi haknya juga untuk mendapatkan jawapan dan dihilangkan syubhah daripada adanya serta diajarkan hujah, tetapi hendaklah dengan penuh adab dan penghormatan terhadap guru, selain dari memilih waktu yang munasabah untuk bertanya.<sup>76</sup>

#### • **Menjauhkan Dari Terlalu Mudah Menghukumkan Fasik Atau Berdosa**

Antara adab berbeza pendapat dalam perkara cabang *fiqh* ialah mengelakkan diri dari menghukumkan fasik, berdosa, ahli bid'ah atau kafir kepada orang

---

<sup>74</sup> Al-Qaradāwī (2005), *op.cit.*, h. 231.

<sup>75</sup> *Ibid*, hh. 230-232.

<sup>76</sup> *Ibid*, h. 229.

yang tidak sehaluan. Setiap manusia ada kehormatan, kemuliaan dan juga nama baik di kalangan orang ramai. Sehubungan dengan itu, perbuatan menyakiti, memindahkan berita dan kisah yang boleh menjatuhkan kehormatan diri, mencemarkan nama baik atau menjejaskan kehormatan seseorang, bermakna menyakiti seseorang dalam ertikata yang sebenarnya. Allah S.W.T melarang perbuatan sebegitu rupa di dalam firmanNya:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ

أَحْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٨﴾

*“Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.”*

(Surah al-Aḥzāb, 33: 58)

Islam mementingkan penjagaan kehormatan manusia, sehingga ia memperuntukkan tiga jenis balasan kepada orang yang mencerooboh kehormatan iaitu pertama hukuman badan iaitu dirotan, kemudian kedua hukuman adab sopan iaitu ditarikbalik persaksian dan akhir sekali, hukuman agama iaitu dituduh sebagai fasik. Isu ini dikenali di kalangan ulama *fiqh* sebagai isu menuduh perempuan yang baik melakukan zina tanpa bukti yang konkrit. Firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَنِينَ

جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾

*“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik”.*

(Surah al-Nūr, 24: 4)

Jika kehormatan diri orang awam Islam, perlu dijaga, maka kehormatan diri para ulama, lebih lagi perlu dijaga, kerana mereka adalah pewaris para nabi, wali Allah dan penegak hujah Allah di muka bumi. Imam Abū al-Qāsim Ibn ‘Asākir pernah menyatakan:

*“Sesungguhnya daging para ulama itu beracun dan adat Allah di dalam membuka tirai orang-orang yang memperlekeh mereka, sudah sedia maklum. Orang yang lancang lidahnya terhadap para ulama, Allah S.W.T balakannya dengan kematian hati sebelum kematian jasadnya yang sebenar.”<sup>77</sup>*

Al-Khaṭīb al-Baghdādī meriwayatkan, Imām al-Syāfi‘ī dan Abū Ḥanīfah pernah menyatakan:

*“Sekiranya ulama *fiqh* itu bukan wali-wali Allah, maka tidak ada lagi wali Allah.”<sup>78</sup>*

Tidak diragui lagi, antara perkara yang menyakitkan para ulama dan menjatuhkan kehormatan mereka ialah menghukumkan mereka sebagai berdosa, sesat, fasik dan ahli bid’ah, semata-mata wujud perbezaan pandangan di dalam perkara cabang *fiqh*. Lebih dahsyat dari itu, menuduh mereka sebagai kufur besar, yang mengeluarkan seseorang daripada landasan agama. Perbuatan ini satu jenayah besar.<sup>79</sup>

## **PERBEZAAN PENDAPAT DAN KAJIAN ILMIAH**

Walaupun perbezaan pendapat dalam perkara cabang *fiqh*, satu perkara *darūrī* sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, namun bagi al-Qaraḍāwī ia tidak menghalang seseorang yang berilmu untuk melakukan kajian ilmiah dalam perkara-perkara cabang *fiqh* itu bagi mencari pendapat yang paling sahih, hujah yang paling kuat dan paling menepati kebenaran. Ini kerana kadang-kadang seseorang mujtahid melakukan kesilapan, sebagaimana dia juga melakukan perkara yang betul. Setiap orang boleh saja diterima dan ditolak kata-katanya kecuali Nabi S.A.W sahaja. Tambahan pula imam-imam mazhab sendiri tidak pernah mendakwa diri mereka bersih daripada salah dan silap, bahkan diriwayatkan daripada setiap orang daripada mereka, apabila satu satu hadis itu sahih, itulah mazhab mereka. Malah mereka tidak segan menarik balik pendapat

---

<sup>77</sup> Al-Nawawī (t.t), *Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*, jil. 1, Dār al-Fikr, h. 24.

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit*, h. 235.

mereka dalam satu-satu isu sehingga murid-murid mereka melaporkan dalam satu-satu isu, imam mereka mempunyai beberapa pendapat.<sup>80</sup>

Seandainya seseorang membuat kajian tentang bilangan solat sunat *Tarāwih* dan berdasarkan kepada dalil-dalil yang kuat dan sandaran-sandaran yang kukuh beliau mendapati bilangannya ialah 8 rakaat, orang ramai boleh berpegang dengan pendapatnya, dengan syarat tidak menyalah, mencela dan juga mengaibkan tokoh lain, yang tidak sependapat dengan individu yang membuat kajian tersebut.<sup>81</sup>

Oleh kerana membuat kajian ilmiah dituntut dalam perkara cabang *fiqh*, bahkan wajib kepada ahli ilmu yang mampu membahaskan dalil, berbuat demikian, sudah tentu kajian yang dibuat itu menghasilkan natijah yang berbagai-bagai dan tidak semestinya tertumpu kepada pendapat yang diamalkan secara tradisi zaman berzaman. Ada kalanya menjurus kepada pendapat yang tidak berpihak kepada majoriti ulama, sebaliknya mirip kepada pendapat yang dipegang oleh tokoh-tokoh tertentu secara sendirian dari kalangan sahabat, tabiin atau tokoh-tokoh yang hidup selepas mereka. Namun, pendapat tersebut tetap boleh dipegang kerana tokoh-tokoh imam mazhab terkemuka dan lain-lain tidak terjamin bersih daripada salah dan silap. Tidak mustahil pendapat yang betul terdapat pada pendapat yang selama ini ditinggalkan oleh umat Islam dan tidak pula masyhur. Kebenaran tidak selama-lamanya berpihak kepada suara majoriti ulama, sebagaimana kesalahan tidak selama-lamanya berpihak kepada suara minoriti ulama. Kebersendirian sesuatu pendapat, tidak membuktikan ia pendapat yang salah. Boleh dikatakan setiap imam mazhab daripada kalangan imam mazhab empat mempunyai pendapat-pendapat yang berbeza daripada tiga imam lagi. Mungkin keadaan dan situasi tidak muncul pada zaman imam-imam mazhab yang empat yang melayakkan pendapat persendirian tadi diamalkan oleh masyarakat. Namun setelah berlaku perubahan masa dan keadaan, ulama yang membuat kajian semula tentang isu berkenaan mendapati terdapat hujah dan alasan kukuh untuk merubah fatwa yang difatwakan oleh imam-imam mazhab terdahulu. Kemungkinan kalau imam-imam mazhab empat itu melihat perubahan masa dan keadaan yang berlaku selepas mereka, tidak mustahil mereka juga akan merubah pendapat dan pandangan mereka.<sup>82</sup>

Bahkan tokoh-tokoh sebelum daripada mereka dari kalangan ulama *fiqh* generasi sahabat dan tābi‘in, menjatuhkan hukum dalam sesuatu isu, kemudian setelah berlalu suatu masa, hukuman tersebut ditarik kembali dan

---

<sup>80</sup> *Ibid*, hh. 139-140.

<sup>81</sup> *Ibid*, h. 140.

<sup>82</sup> *Ibid*, hh. 140-141.

dikeluarkan fatwa sebaliknya. Ia dilakukan setelah mereka menemui punca-punca yang menyebabkan mereka merasa perlu menyemak kembali pendapat mereka terdahulu. Misalnya ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd pernah mengeluarkan fatwa kepada seorang lelaki semasa berada di Kufah, halal berkahwin dengan seorang wanita yang telahpun diceraikan anak perempuannya tetapi belum menyetubuhi anak perempuan itu, tetapi ternyata selepas itu fatwa beliau salah lalu beliau menarik balik fatwa itu dan kembali semula ke Kufah dan seterusnya memisahkan pasangan terlibat.<sup>83</sup>

## KESIMPULAN

Lapangan perbezaan pendapat menurut al-Qaradāwī cukup luas dan tidak hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja seperti *tawassul* dan masalah *istiwā’* di atas Arays. Ia merangkumi lapangan ibadah seperti bersuci, solat, zakat, puasa dan haji, perhiasan dan kecantikan, nyanyian dan permainan, makanan dan minuman, harta dan muamalah dan politik dan perlembagaan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, boleh melakukan kajian ilmiah di dalam perkara yang menimbulkan perbezaan pendapat di dalam perkara cabang *fiqh* tetapi tertumpu kepada orang alim dan bukannya orang awam. Orang alim yang layak melakukan ijtihad di dalam mengeluarkan hukum-hukum syarak mengikut perbezaan darjatnya. Orang alim seumpama ini, perlu mengkaji masalah dan meneliti dalil-dalil yang menimbulkan perselisihan pendapat, seterusnya berusaha bersungguh-sungguh mengeluar dan memilih hukum yang paling kuat bagi membolehkannya beramal dengan pendapat yang benar, yang berjaya dicapainya itu, sekalipun bertentangan dengan ijtihad yang dilakukan oleh tokoh lain. Tidak ada ruang untuk bertaklid kepada orang lain menurut majoriti ulama. Orang awam tidak boleh melakukan ijtihad kerana tidak memiliki ilmu, kepakaran dan kemahiran untuk berbuat demikian. Jika tidak sudah pasti akan merosakkan syariat Islam. Jika semua orang disuruh melakukan ijtihad, sedangkan mereka tidak mempunyai ilmu yang mantap sudah tentu akan melibatkan para petani, pekebun kecil, peniaga, dan seumpamanya dan ini bererti menyerahkan sesuatu perkara bukan kepada ahlinya. Walau bagaimanapun, orang awam disarankan supaya mengikut pandangan ulama yang berwibawa dan bukannya bertaklid sahaja kepada pandangan mereka kerana mengikut melibatkan mengetahui dalil sedangkan bertaklid bererti mengikut tanpa mengetahui dalil. Di dalam dunia moden hari

---

<sup>83</sup> Abū Bakr ibn Qayyīm al-Jawziyyah (1980), *I’lām al-Muwaqqi’īn*, jil. 3, Kaherah: Maṭābi’ al-Islām, hh. 224-225.

ini, segala perkara yang berlaku kepada orang ramai, mereka ingin tahu sebab dan alasannya dan tidak menerima bulat-bulat begitu sahaja.

Umat Islam di Malaysia disarankan supaya tidak boleh terlalu cepat menghukum negatif, sebaliknya perlulah memahami pendapat dan perjuangan orang lain dengan baik. Perlu merujuk sesuatu isu kepada sumber rujukan yang benar-benar mewakili sesuatu madhhab muktabar jika isu tersebut ada hubungan dengan mazhab tersebut. Jika mazhab al-Syāfi'ī, hendaklah dirujuk kitab utama yang telah disepakati oleh ribuan ulama mazhab al-Syāfi'ī di zaman silam iaitu *Mukhtasar al-Muzanī* oleh al-Muzanī, *al-Muhadhdhab* dan *al-Tanbīh* oleh al-Syīrāzī, serta *al-Wasīṭ* dan *al-Wajīz* oleh al-Ghazālī. Buku-buku ulasan pula ialah seperti *Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab* dan *Rawḏah al-Ṭālibīn* oleh al-Nawawī, *al-Hāwī al-Kabīr* oleh al-Māwardī dan seumpamanya. Ini antara kitab utama yang mesti dirujuk bagi mendapatkan satu fatwa yang mewakili mazhab Syāfi'ī. Tokoh ulama mazhab al-Syāfi'ī pula, pandangan Imam al-Nawawī dan juga Imam al-Rāfi'ī adalah pendapat muktamad dalam mazhab al-Syāfi'ī, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Ḥajar al-Haithamī.<sup>84</sup>

Perlu bersikap terbuka dan beradab dalam menilai pandangan-pandangan ulama lain dan dalil bagi setiap fatwa mereka. Menjauhkan diri dari mengadu domba (*al-namīmah*). Umat Islam di negara ini juga disarankan supaya membaca buku-buku berkaitan dengan perbezaan pendapat dan adab-adabnya yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh ulama Islam yang berwibawa seperti al-Qaraḏāwī, Syeikh Jābir Fayyāḏ al-Ulwānī dan lain-lain yang mengambil jalan tengah dan beraliran sederhana supaya mewujudkan sikap lebih terbuka, agar tidak tergolong dalam kumpulan pengadu domba yang memburukkan keadaan, memutuskan ikatan kasih antara sesama umat Islam. Perlu juga membuang sikap ego di dalam mencari kebenaran. Dalam keghairahan menegakkan hujah, pendekatan, keutamaan yang diletak oleh kumpulan dan perjuangan masing-masing, kemungkinan syaitan mencelah dan bertapak dalam diri. Sikap ego merugikan kerana menutup hati seseorang daripada menerima kebenaran. Nabi S.A.W menyebut di dalam hadis riwayat Ibn Mas'ūd r.a:

الكبر بطر الحق وغمط الناس

“*Takabbur itu adalah menolak kebenaran dan memperlekehkan manusia.*”<sup>85</sup>

<sup>84</sup> Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī (2005), *al-Faṭḥ al-Mubīn Fī Ta'rīf Muṣṭalahāt al-Fuqahā' Wa al-Uṣūliyyīn*, Kaherah: Dār al-Salām Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī', h. 153.

<sup>85</sup> Muslim (2007), *op.cit.*, “Kitāb al-Īmān”, hadis no. 55, h. 35.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Bār, Abū ‘Umar bin (t.t), *Jāmī‘ Bayān al-‘Ilmi Wa Faḍlihi*, jil. 2, Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Munīriyah.
- Al-Mu‘jam al-Asāsī al-‘Arabī* (1999), Munazzamah al-‘Arabiyyah Li al-Taymiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-‘Ulum,
- Ashqar ‘Umar Sulaymān al-, et.al (1996), *Masā’il Fī al-Fiqh al-Muqāran*, Urdūn: Dār al-Nafā’ish.
- Bayhaqī, Abū Bakr bin ‘Alī al- (t.t), *al-Sunan al-Kubrā*, jil. 1, Beirut: Dār al-Fikr.
- Buhūfī, Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al- (1982), *Kashshāf al-Qinā’*, jil. 6, T.Tt: Dār a-Fikr.
- Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Jil. 1, Beirut: Dār al-Fikr.
- Bushīkhī, Aḥmad bin Muḥammad al- (1998), *Tahzīb al-Masālik Li Nuṣrah Mazhab Mālik Li Abī Yūsuf Bin Donas al-Fandalāwī*, jil. 1, al-Mamlakah al-Maghribiyyah: Wazārah al-Awqāf.
- Dārimī, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥmān bin Burhām al- (1981), *Sunan al-Dārimī* Turki: Cagri Yayinlari.
- Ghazālī, Abū Hāmid al- (t.t), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, jil. 2, Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ḥalīm, Ḥāmid Muḥammad ‘Abd al- (1989), *Ma‘an ‘Alā al-Ṭarīq, Sheik al-Islām Ibn Taymiyyah Wa al-Imām al-Shahīd Ḥasan al-Bannā*, Kaherah: Dār al-Tawzī‘ Wa al-Nasyr al-Islāmiyyah.
- Ḥafnawī, Muḥammad Ibrāhīm al- (2005), *al-Fatḥ al-Mubīn Fī Ta‘rīf Muṣṭalahāt al-Fuqahā’ Wa al-Uṣūliyyīn*, Kaherah: Dār al-Salām Li al-Ṭibā‘ah Wa al-Nashri Wa al-Tawzī‘.
- Ibn al-Humām, Muḥammad bin ‘Abd al-Wāhid al-Siwāsī al-Kamāl (1389H), *Fatḥ al-Qadīr Syarḥ al-Hidāyah*, jil. 1, Mīsr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn al-Jawzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Farraḥ ‘Abd al-Raḥmān al-Baghdādī (t.t), *Talbīs Iblīs*, Mīsr: Maṭba‘ah Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad (1387H), *al-Muḥallā*, jil. 4, Maktabah al-Jumhūriyyah al-‘Arabiyyah.
- Ibn Manẓūr al-Mīsrī, Jamāl al-Dīn Muḥammad (1955), *Lisān al-‘Arab*, jil. 9, Beirut: Dār Ṣādir.



- Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, Abū Bakr (1980), *I'lām al-Muwaqqi'īn*, jil. 3, Kaherah: Maṭābi' al-Islām.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī, Aḥmad bin Muḥammad (1984), *al-Mughnī*, jil. 1, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Ibn Qudāmah, 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Aḥmad (1393H), *al-Syarḥ al-Kabīr*, jil. 1, Misr: Maṭba'ah al-Manār.
- Ibn Taymiyyah (2003), *Fatāwā al-Ṣalāh*, Taḥqīq: Rifā'ah al-Ṭahtāwī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad Taqiy al-Dīn (t.t), *Majmū' Fatāwā*, jil. 20, Maktabah 'Isā al-Ḥalabī.
- Jarīsyah, 'Alī (1989), *Ādāb al-Ḥiwār Wa al-Munāzarah*, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā'.
- Maḥalli, Jalāl al-Dīn al- (t.t), "Syarḥ Jalāl al-Dīn al-Maḥallī 'Alā al-Minhāj", dlm. Qalyubī Wa 'Umayrah, *Hāshiyah Qalyūbī Wa 'Umayrah 'Ala Sharḥ Jalāl al-Dīn al-Maḥallī*, jil. 1, T.Tt: Maṭba'ah 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Majallah al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī* (t.t), thn. 2 bil. 3.
- Malā'ikah, Muṣṭafā (1999), *Fī Uṣūl al-Da'wah Muqtabasātun Min Kutubi al-Duktur Yūsuf al-Qaraḍāwī*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Mawsū'ah al-Fiqh al-Islāmī* (1991), jil. 4, Kaherah: al-Majlis al-A'lā Li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Mundhirī, Zakī al-Dīn 'Abd al-'Azīm bin 'Abd al-Qawī al- (1968), *al-Tarḥīb Wa al-Tarḥīb Min al-Ḥadīth al-Sharīf*, jil. 1, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Muslim bin Ḥajjāj (2007), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Nadawī, Akram al- (2001) *Kifāyah al-Rāwī 'An al-Allāmah al-Shaykh Yūsuf al-Qaraḍāwī*, Dimashq: Dār al-Qalam.
- Nawawī, Muḥy al-Dīn bin Sharaf al- (1981), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslīm*, jil. 2, Beirut: Dār al-Fikr Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī'.
- Nawawī, Muḥy al-Dīn bin Sharaf al- (t.t), *Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*, jil. 1, Dār al-Fikr.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1980), *al-Ḥalāl Wa al-Ḥarām Fī al-Islām*, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Wazārah al-Ma'arif.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1989), *al-Ṣahwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Mashrū' Wa al-Tafarruq al-Mazmūm*, Beirut: Dār al-Wafā'.

- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1990), *Taysīr al-Fiqh Fī Ḍaw'ī al-Qur'ān Wa al-Sunnah (Fiqh al-Ṣiyām)*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (2002), *Min Hudā al-Islām Fatāwa Mu'āṣirah*, jil. 3, Kuwait: Dār al-Qalam.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (2005), *Kayfa Nata'āmalu Ma'a al-Turāth Wa al-Tamadhub Wa al-Ikhtilāf*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman al- (t.t), *al-Ashbāh Wa al-Nazā'ir*, Miṣr: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al- (t.t), *Jazīl al-Mawāhib Fī Ikhtilāf al-Madhāhib*, Taḥqīq Ibrāhīm Bājīs 'Abd al-Majid, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Talīmah, 'Iṣām (2000), *al-Qaraḍāwī Faqīhan*, al-Qāhirah: Dār al-Tawzī' Wa al-Nashri al-Islāmiyyah.